

Kompleks Kolej Permata Insan USIM siap Januari depan

NILAI - Kompleks Kolej Permata Insan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini yang dibina dengan kos RM68 juta dijangka siap sepenuhnya pada Januari tahun depan.

Dibahagikan kepada dua

fasa, pembangunan projek Fasa 1 yang meliputi asrama lelaki, blok informasi digital dan kemudahan pelajar telah siap dibina dan ia telah mula digunakan oleh kumpulan pertama pelajar kolej ber-

kenaan seramai 50 orang.

Pembangunan Fasa 2 yang sedang berjalan kini pula merangkumi blok pentadbiran, asrama perempuan, blok pembelajaran dan pengajaran, dewan serba guna, Pusat

Al-Abrar dan dewan makan.

Pengarah Kolej Permata Insan USIM, Dr, Nik Salida Suhaila Nik Saleh berkata, proses permohonan kolej berkenaan untuk menjadi Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan kini di peringkat akhir kelulusan Kementerian Pendidikan.

"Ini merupakan prosedur yang perlu kami patuhi dan apabila permohonan ini lulus kelak, kolej ini akan memohon status sebagai Sekolah Berasrama Penuh seperti mana Sekolah Permata Pintar di Universiti Kebangsaan Malaysia," ujarnya dalam kenyataan di sini semalam.

Program Permata Insan yang diamanahkan kepada USIM untuk dilaksanakannya merupakan kesinambungan daripada Program Permata seperti Permata Negara, Permata pintar dan Permata Seni yang dinaungi oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.